

# Kolam takungan bakal dibina

Usaha kurangkan risiko banjir kilat

**IZWAN ROZLIN**

**KUNDANG** – Sebuah kolam takungan banjir dijangka akan dibina di Kampung Melayu Sri Kundang.

Jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Gombak, Ir Mohd Fuad Buang berkata, takungan tersebut dibina khas bagi mengatasi masalah banjir dan melancarkan aliran sungai.

Menurutnya, takungan seluas 1.6 hektar itu sudah diwartakan dan akan berfungsi mengurangkan risiko banjir kilat di kampung.

“Kajian secara menyeluruh akan dibuat bagi pembinaan kolam takungan tersebut,” katanya ketika ditemui pada sesi lawatan ke Kampung Melayu Sri Kundang, di sini, kelmarin.

Selain itu menurut beli-

au, tebing terhakis di kawasan itu juga akan diberi perhatian, termasuk aktiviti pencerobohan rizab sungai.

“Kita memandang serius soal ini kerana ia menjejaskan aliran sungai dan boleh mengakibatkan keadaan menjadi buruk,” katanya.

Sementara itu Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Melayu Sri Kundang, Madzlan Baki berkata, pihaknya menyambut baik usaha membina takungan tersebut.

“Bagi kami, kolam takungan tersebut dapat memberi manfaat kepada penduduk kampung,” katanya.

Menurutnya, di samping itu, pihak JKKK juga sentiasa bertindak memantau kawasan rizab sungai daripada dicerobohi dan aktiviti lain yang boleh menjejaskan sungai.



**“ Kita memandang serius soal ini kerana ia menjejaskan aliran sungai dan boleh mengakibatkan keadaan menjadi buruk.”**

■ Mohd Fuad



■ Kawasan yang akan dijadikan kolam takungan banjir.